

Pemilihan Bidang Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran (*Education Choice among Student with Learning Disabilities*)

R. Ibrahim^{*,1,a}, M. H. M. Yasin^{1,b} and N. Abdullah^{2,c}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 43600 Malaysia

²Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, 40450 Malaysia

^{a,*}rohaizat82@yahoo.com, ^bmhmy6365@ukm.edu.my, ^cnabil626@yahoo.com

Abstrak – Pemilihan bidang pendidikan dapat menentukan kejayaan kerjaya seseorang murid. Namun, pemilihan bidang pendidikan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran- MBK(BP) kurang bersistematik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemilihan bidang pendidikan bagi MBK (BP) di Program Pendidikan Khas Integrasi. Reka bentuk tinjauan ini melibatkan 135 MBK (BP) yang berusia antara 13 hingga 16 tahun. Sebanyak 120 item daripada Instrumen Inventori Minat Kerjaya (IMK) telah digunakan dan mendapat nilai keseluruhan kebolehpercayaan sebanyak 0.773. Data yang diperoleh dianalisis secara analisis deskriptif dan inferensi dengan menggunakan IBM SPSS Versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan majoriti MBK(BP) cenderung untuk memilih bidang Investigatif sebagai bidang pendidikan mereka (Min= 4.59, SP= 0.51). Malah, dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan MBK (BP) dalam pemilihan bidang Investigatif ($t=1.007$; $p>0.05$). Dapatan ini diharapkan dapat membantu MBK (BP), ibu bapa dan guru dalam membuat pemilihan bidang pendidikan yang selaras dengan minat dan keupayaan MBK (BP). **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.**

Katakunci: Pemilihan bidang pendidikan, Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran

Abstract- Education choice can determine a student's career success . However, the choice of education for the Student with Learning Disabilities - MBK (BP) is less explored. Thus, the aim of this study is to identify the tendency of education choice for MBK (BP). The design of this survey involving 351 MBK (BP), aged between 13 and 16 years. A total of 120 items of Instruments Career Interest Inventory (IMK) have been used in this study and resulted in the overall reliability of 0.773. The analyzing of the data for mean and t-test using IBM SPSS version 22.0. The findings show that the majority of MBK (BP) tend to choose Investigative fields as their education choice (Min = 4:59, SD = 0.51). Also, the findings show that there are differences between boys and girls MBK (BP) in the choice of the Investigative fields ($t = 1.007$; $p > 0.05$). These findings demonstrate the importance of career education program exposure to the MBK (BP) for them to make the choice that consistent with themselves and learning environment. **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.**

Keywords: Education Choice, Student With Learning Disabilities

1.0 PENGENALAN

Pemilihan bidang pendidikan merupakan perkara penting yang perlu dilakukan oleh semua murid sekolah menengah. Sharf [27] mendefinisikan pemilihan bidang pendidikan adalah keputusan yang diambil oleh murid untuk menentukan laluan pendidikan mereka. Pada masa kini, pemilihan bidang pendidikan menjadi fokus utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia [24] yang menegaskan untuk memastikan setiap murid memilih bidang pendidikan yang berdasarkan kepada minat dan keupayaan mereka. Pemilihan bidang pendidikan yang ditawarkan adalah seperti bidang akademik, teknikal, vokasional, agama, sukan dan kesenian. Kajian lepas oleh Daviso et al. [9] turut membuktikan bahawa pemilihan bidang pendidikan yang tepat dapat membuka peluang murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi manakala Condon dan Callahan [8] pula berpendapat bahawa ia dapat menentukan kejayaan kerjaya seseorang murid.

Namun, pemilihan bidang pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan sukar. Amla [4] menyatakan bahawa ramai murid sekolah menengah yang masih mempunyai masalah dalam pemilihan bidang pendidikan mereka. Malah, masalah ini menjadi semakin besar untuk murid pencapaian akademik rendah, murid bermasalah dan murid berisiko tinggi. Ini termasuklah Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran- MBK (BP) kerana mereka sering dikaitkan dengan kekurangan dalam akademik, sosial dan tingkah laku. Ini jelas membuktikan bahawa pemilihan bidang pendidikan amat memerlukan perhatian yang sewajarnya.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pemilihan Bidang Pendidikan MBK (BP)

Pemilihan bidang pendidikan untuk MBK(BP) adalah kurang bersistematik. Mengikut pandangan Smith dan Nagle [29] hal ini berlaku kerana sikap ibu bapa dan guru yang memandang rendah terhadap keupayaan MBK (BP) dalam membuat pemilihan bidang pendidikan yang mereka minati. Malah, pemilihan bidang pendidikan MBK(BP) sering dipercayakan kerana mereka tidak mendapat peluang yang seiring dengan murid-murid tipikal. Walaupun kerajaan Amerika telah mewujudkan akta perundangan The Individual with Disabilities Education Act [30] namun hanya 9.4 % MBK (BP) yang berjaya memilih bidang pendidikan berdasarkan kepada keselarasan personaliti diri dengan persekitaran pembelajaran berbanding 35% daripada remaja yang seusia dengan mereka [20]. Menurut Tilson dan Simonsen [31] perkara ini amat diberi perhatian oleh kerajaan Amerika kerana masalah MBK (BP) untuk memilih bidang pendidikan semasa di sekolah menengah akan menyumbang kepada peningkatan kadar keciciran dan kemiskinan di Amerika.

Perkara pemilihan bidang pendidikan yang tidak bersistematik ini turut berlaku di Malaysia. Tambah membimbangkan, para sarjana tempatan juga lebih memberi fokus kepada kerjaya MBK (BP) berbanding pemilihan bidang pendidikan mereka. Contohnya, kajian terawal telah dilakukan oleh Norani [22]. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pemilihan kerjaya dalam kalangan murid pendidikan khas. Seramai 99 orang murid pendidikan khas dipilih untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Hasilnya, murid pendidikan khas memilih pekerjaan yang berorientasikan kepada pekerjaan ibu bapa dan bukannya atas pilihan dan minat mereka sendiri.

Seterusnya, Cheong dan Sharifah [7] telah mengkaji tentang transisi kerjaya yang terbaik untuk MBK (BP). Kajian ini telah menjalankan temu bual kepada 24 orang individu yang terdiri daripada NGO, pekerja MBK (BP), majikan MBK (BP), ibu bapa MBK (BP), dan guru MBK (BP). Hasil temu bual tersebut, mereka mendapati bahawa kerajaan Malaysia perlu mewujudkan satu sistem sokongan kerjaya kepada MBK (BP), Job Coach, latihan kerjaya, penempatan kerjaya dan bengkel terlindung kepada MBK (BP). Malah, Cheong dan Sharifah turut menegaskan agar kerajaan Malaysia memperbanyakkan pusat latihan kerjaya kerana mereka beranggapan bahawa bidang pendidikan yang ada adalah tidak relevan dengan keperluan MBK (BP).

Ini diikuti dengan Aliza [5] yang menjalankan kajian untuk mengenal pasti masalah dalam pelaksanaan program transisi murid pendidikan khas ke kerjaya. Hasil temu bual yang dijalankan ke atas 4 orang guru pendidikan khas menunjukkan bahawa (i) kesukaran dalam melatih murid, (ii) masalah internship dan kesediaan majikan serta (iii) kesukaran murid dalam membuat penyesuaian diri dengan persekitaran kerja adalah faktor yang menyukarkan pelaksanaan program transisi kerjaya murid pendidikan khas. Sikap murid yang mudah bosan, rendah diri, kurang memahami arahan serta kesukaran dalam mengenal pasti kebolehan, minat dan keupayaan diri telah menyebabkan guru mengalami kesukaran dalam melatih kerjaya mereka. Tambahan pula, diskriminasi yang tinggi dalam kalangan majikan turut menyukarkan guru dalam mencari penempatan kerjaya kepada MBK (BP). Selain itu, murid turut mengalami masalah dalam menyesuaikan diri dengan rutin dan iklim kerja mereka.

Lin dan Rohany [17] pula telah menjalankan kajian tentang keberkesanan psycho-education dalam meningkatkan kesedaran kerjaya dan konsep sendiri bagi murid tipikal dan murid pendidikan khas. Kajian ini dilakukan melalui kaedah kuasi eksperimen dan melibatkan seramai 19 orang murid pendidikan khas dan 21 orang murid tipikal. Dapatan menunjukkan murid tipikal dan murid pendidikan khas mendapat manfaat melalui pendekatan psycho-education. Walau bagaimanapun, intervensi yang digunakan tidak dinyatakan secara mendalam.

Selain itu, kajian Noraini et al. [23] pula membincangkan tentang isu persediaan kerjaya MBK (BP). Bagi mendapatkan maklumat tentang masalah ini, kajian kes telah digunakan ke atas 6 orang guru pendidikan di 6 buah sekolah program pendidikan khas integrasi. Kajian mereka mendapati kurikulum pendidikan vokasional, kolaborasi dan persediaan kerjaya adalah isu yang perlu diselesaikan dalam memberi kehidupan yang positif kepada MBK (BP). Malah, mereka turut mencadangkan agar membina kerjasama antara pentadbir, guru, ibu bapa dan agensi pekerjaan swasta dan kerajaan dalam merancang kejayaan kerjaya MBK (BP).

Walaupun pelbagai kajian kerjaya dijalankan namun kadar pengangguran MBK (BP) masih kekal sebagai masalah utama. Hal ini terbukti apabila Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan 1% daripada peluang pekerjaan di sektor awam kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/ 1988, namun hanya 1,754 sahaja yang berjaya mengisi pekerjaan di kementerian berbanding dengan 60,000 OKU yang boleh bekerja [14]. Data ini jelas menunjukkan bahawa majoriti MBK (BP) yang ada di Malaysia masih tidak bekerja kerana mereka merupakan golongan terbesar dalam kumpulan OKU berbanding dengan murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran [6]. Segalanya bertitik tolak daripada permasalahan dalam pemilihan bidang pendidikan mereka. Ini turut diperakui oleh Lee dan Lai [16], Hoover [12], Queener [26], ACT [2] dan National Disability Rights Network, The Protection and Advocacy System for Individuals with Disabilities [21]. Justeru,

kajian ini bertujuan untuk melihat secara spesifik fenomena pemilihan bidang pendidikan MBK(BP) dengan menggunakan Teori RIASEC.

2.2 Teori Pemilihan Bidang Pendidikan

Pada pertengahan abad ke-20, John L. Holland telah memperkenalkan Teori RIASEK yang direka untuk menangani isu pemilihan kerjaya di Amerika Syarikat. Teori ini menekankan kepada empat andaian asas. Dalam andaian pertama, Holland menyatakan bahawa semua individu boleh dikategorikan dalam salah satu daripada enam jenis personaliti iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan jenis Konvensional (K). Personaliti ini terhasil daripada ciri-ciri interaksi antara pelbagai kebudayaan, keturunan serta desakan individu termasuklah rakan sebaya, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal. Situasi ini akan menimbulkan minat dalam kalangan individu [3].

Andaian kedua pula menegaskan bahawa terdapat enam jenis persekitaran iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan jenis Konvensional (K). Setiap persekitaran akan didominasi oleh jenis personaliti tertentu [28]. Contoh, persekitaran Realistik akan didominasi oleh individu yang mempunyai personaliti Realistik. Persekitaran Konvensional pula akan dikuasai oleh individu jenis konvensional. Andaian ketiga pula menyatakan bahawa individu akan mencari keselarasan antara personaliti diri dengan persekitaran mereka. Keselarasan yang wujud ini dapat menonjolkan kemahiran, kebolehan, sikap dan nilai seseorang individu [10]. Misalnya, individu yang mempunyai personaliti Realistik akan memperoleh kepuasan sekiranya belajar dalam persekitaran Realistik.

Manakala, andaian keempat dalam teori ini memberi fokus kepada tingkahlaku individu. Holland percaya bahawa interaksi antara personaliti dengan persekitaran boleh menentukan tingkahlaku seseorang individu [15]. Ini bermakna sekiranya kita mengetahui pola personaliti dan persekitaran seseorang individu, secara tidak langsung kita boleh meramal beberapa perkara seperti pemilihan pendidikan, pencapaian akademik, kompetensi, tingkah laku pendidikan dan sosial.

Holland [11] turut menyatakan bahawa individu yang dikategorikan sebagai Realistik (R) adalah lebih sesuai belajar dalam bidang mekanikal, kulineri, elektrik dan peladangan kerana mereka ini tidak berminat dalam bidang pendidikan dan lebih berkebolehan dalam memanipulasi mesin dan alatan. Manakala, individu dalam kategori Investigatif (I) pula lebih gemar untuk menyelesaikan masalah secara saintifik dan bidang seperti perubatan, farmasi, sains serta matematik adalah amat sesuai dengan golongan ini. Bagi individu Artistik (A), mereka lebih gemar kepada aktiviti bebas dan terbuka kerana mereka percaya bahawa persekitaran ini akan menghasilkan produktiviti dan jawapan kepada penyelesaian masalah. Bidang seni adalah sesuai untuk individu Artistik. Individu jenis Sosial pula lebih berminat untuk membantu orang lain dan lebih sesuai dalam bidang kaunseling, pendidikan dan psikologi. Individu yang mempunyai keyakinan diri, kebolehan sosial dan dapat meyakinkan orang lain pula adalah individu Enterprising. Individu ini terbaik dalam bidang perniagaan serta bidang-bidang yang dapat menyediakan peluang untuk memperoleh keuntungan, kuasa dan status. Akhirnya, individu Konvensional. Bidang untuk golongan ini adalah seperti pentadbiran dan perbankan kerana mereka ini adalah golongan yang berkebolehan untuk mengikut arahan. Maka, proses untuk mengenal pasti kecenderungan pemilihan bidang pendidikan MBK(BP) perlu dilakukan agar dapat merancang dan menyediakan mereka ke arah professional pilihan.

2.2.1 Objektif

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kecenderungan pemilihan bidang pendidikan MBK (BP) sekolah menengah. Maka, persoalan kajian yang timbul adalah:

1. Apakah bidang pendidikan paling dominan dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran selepas tamat sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan di antara murid lelaki dan perempuan dalam pemilihan bidang pendidikan paling dominan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran?

2.2.2 Hipotesis Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberikan bukti kepada hipotesis berikut:

1. Ho: Tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran dalam pemilihan bidang pendidikan.

3.0 METODOLOGI

3.1 Peserta Kajian

Bagi memastikan data yang dikumpul bersifat mendalam dan lengkap, asas penentuan saiz sampel adalah berdasarkan formula yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan [13]. Selaras dengan itu, seramai 351 MBK (BP) yang bersekolah menengah di Program Pendidikan Khas Integrasi di Selangor telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik Inventori Minat Kerjaya.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini membuat modifikasi terhadap Instrumen Inventori Minat Kerjaya (IMK) yang dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan [15]. Asalnya, IMK hanya mengandungi dua bahagian iaitu Kesukaan dan Nama Pekerjaan namun dalam konteks kajian ini, tiga bahagian disediakan iaitu (a) Maklumat Demografi, (b) Kesukaan dan (c) Nama Pekerjaan. Dari segi pengukuran pula, kajian ini menggunakan 5 skala likert iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju

3.2.1 Kajian Rintis

Bagi menguji kefahaman murid terhadap soalan yang diberikan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis kepada 30 MBK(BP) yang berumur di antara 13 hingga 16 tahun dengan bimbingan daripada guru mereka. Ini adalah bersesuaian dengan pandangan Mohamed Najib [18] yang menyatakan bahawa kajian rintis adalah satu peluang kepada pengkaji untuk menguji kebolehpercayaan dan memperbaiki kelemahan yang ada pada instrumen yang digunakan. Kebolehpercayaan IMK telah diuji dengan menggunakan rumus Croncabh Alpha. Keputusan kebolehpercayaan adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan

Konstruk Pekerjaan	Nilai Kebolehpercayaan	Nilai Keseluruhan Kebolehpercayaan
Realistik	0.764	0.773
Investigatif	0.788	
Artistik	0.737	
Sosial	0.803	
Enterprising	0.801	
Konvensional	0.746	

Data kajian rintis di atas menunjukkan bahawa nilai keseluruhan kebolehpercayaan yang diterima dalam soal selidik ini ialah 0.773. Ini membuktikan bahawa IMK boleh diguna pakai dalam kajian sebenar kerana Mohd Majid [19] menyatakan bahawa nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.60 boleh diterima sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen.

4.0 ANALISIS DAN DAPATAN DATA

4.1 Analisis Demografi

Penganalisan data untuk demografi ditunjukkan dalam Jadual 2 yang melibatkan aspek jantina dan umur.

Jadual 2: Demografi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran

Bil	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	201	57.3
		Perempuan	150	42.7
2.	Umur	13 tahun	90	25.6
		14 tahun	185	52.7
		15 tahun	46	13.2
		16 tahun	30	8.5

n = 351

Jadual 2 menunjukkan analisis kekerapan dan peratus dalam pemilihan bidang pendidikan MBK (BP). Majoriti peserta kajian kajian ini terdiri daripada peserta kajian lelaki iaitu 201 orang (57.3%) dan selebihnya adalah peserta kajian perempuan iaitu 150 orang (42.7%). Secara umum, nisbah lelaki kepada perempuan yang dipilih sebagai peserta kajian ini adalah hampir 50:50. Peserta kajian juga mempunyai peringkat umur yang berbeza. Kebanyakan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah berumur 14 tahun iaitu 185 orang (52.7%). Kedua tertinggi adalah peserta kajian yang berumur 13 tahun iaitu seramai 90 orang (25.6%). Manakala, peserta kajian yang berumur 15 tahun adalah seramai 46 orang atau sebanyak 13.2% dan peringkat umur yang paling sedikit ialah peserta kajian yang berumur 16 tahun iaitu sebanyak 30 orang atau 8.5%.

4.2 Analisis Deskriptif

Seterusnya, analisis deskriptif dijalankan untuk mengenalpasti bidang pendidikan paling dominan dalam kalangan MBK (BP). Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pemilihan Bidang Pendidikan

Konstruk	Min	SP
Realistik	3.79	0.80
Investigatif	4.59	0.51
Artistik	4.45	0.58
Sosial	4.36	0.67
Enterprising	2.91	0.92
Konvensional	3.48	0.85

Dapatan kajian menunjukkan majoriti MBK (BP) memilih konstruk Inventigatif untuk pemilihan bidang pendidikan mereka (Min= 4.59, SP= 0.51). Konstruk Artistik pula merupakan konstruk kedua tertinggi yang dipilih oleh MBK (BP) (Min = 4.45, SP= 0.58) dan diikuti dengan konstruk Sosial (Min = 4.36, SP=0.67). Manakala, konstruk Realistik merupakan konstruk keempat yang dipilih oleh MBK (BP) (Min= 3.79, SP=0.80) dan kelima adalah konstruk Konvensional (Min= 3.48, SP=0.85). Konstruk yang kurang dipilih oleh peserta kajian adalah konstruk Keusahawanan (Min= 2.91, SP= 0.92). Maka, perbezaan pemilihan bidang pendidikan paling dominan antara lelaki dan perempuan Murid Berkeperluan Khas Masalah dianalisis dengan menggunakan analisis inferensi.

4.3 Analisis Inferensi

Ujian-t digunakan untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu mengenal pasti perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam pemilihan bidang pendidikan paling dominan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran.

Jadual 4: Perbezaan lelaki dan perempuan terhadap pemilihan bidang Investigatif

Status	N	Min	SP	Nilai-t	Tahap signifikan
Lelaki	201	4.675	.567	1.007	.314
Perempuan	150	4.683	.558		

Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemilihan bidang lelaki dan perempuan MBK (BP) ($t=1.007$; $p>0.05$). Ini bermakna majoriti lelaki MBK (BP) (min= 4.675) dan perempuan MBK (BP) (min=4.683) cenderung untuk memilih bidang Investigatif. Oleh itu, hipotesis nul (H_0) diterima.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan majoriti MBK (BP) memilih bidang Investigatif sedangkan bidang Realistik memberi peluang yang lebih luas kepada mereka dalam melanjutkan pelajaran serta

memudahkan lagi proses untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini dibuktikan oleh Program Transformasi Ekonomi [25] bahawa kerajaan Malaysia memerlukan 46% MBK (BP) yang mempunyai kelulusan dalam bidang kemahiran vokasional atau bidang Realistik [24]. Malah, MBK (BP) di Amerika juga lebih cenderung memilih bidang realistik yang dianggap lebih sesuai dengan diri, keperluan pendidikan serta kerjaya mereka kerana bidang Realistik ini kurang memerlukan kemahiran akademik [32]. Perbezaan dapatan ini berlaku disebabkan peserta kajian Turner telah didedahkan dengan program pendidikan kerjaya. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian Abdul Hanit [1] bahawa MBK (BP) yang memperoleh program pendidikan kerjaya berupaya untuk membuat pemilihan bidang pendidikan yang lebih baik berbanding dengan MBK (BP) yang tidak mendapat pendedahan dalam program ini.

Kajian yang dijalankan oleh Turner dan Lapan [33] menunjukkan MBK (BP) lelaki lebih meminati bidang Investigatif berbanding MBK (BP) perempuan. Tambahan lagi, MBK (BP) perempuan lebih ke arah bidang Artistik dan Sosial. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua jantina memilih dalam bidang Investigatif. Perkara ini disebabkan oleh MBK (BP) kekurangan maklumat tentang bidang pendidikan. Tambah membimbangkan, pendekatan bertema dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi MBK (BP) juga adalah terhad berbanding murid tipikal. Sebagai contoh, MBK (BP) hanya mempelajari 9 tema secara umum dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia berbanding murid tipikal iaitu 18 tema dan setiap tema tersebut memberi fokus kepada bidang pendidikan dan kerjaya. Jurang yang ada ini secara langsung telah menyekat celik akal MBK (BP) tentang kepelbagaian bidang pendidikan yang wujud untuk mereka. Sehubungan dengan itu, MBK (BP) perlu dibimbing dalam membuat pemilihan bidang pendidikan. Bimbingan melalui program pendidikan kerjaya dapat membantu MBK (BP) membuat pemilihan yang lebih realistik serta memperoleh pemahaman dalam bidang pendidikan yang diminati.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kecenderungan pemilihan bidang pendidikan MBK (BP). Justeru, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, penggubal dasar kurikulum, guru, ibu bapa dan MBK (BP). Pemilihan bidang pendidikan merupakan satu perkara yang kompleks kepada MBK (BP). Berdasarkan hasil kajian, majoriti MBK (BP) memilih bidang Investigatif sebagai bidang pendidikan dominan mereka. Ini mengukuhkan lagi dapatan kajian lepas yang menyatakan bahawa MBK (BP) mengalami masalah dalam membuat pemilihan bidang pendidikan yang sesuai dengan diri mereka. Maka, program pendidikan kerjaya perlu diberikan kepada MBK (BP). Rasionalnya adalah untuk membantu mereka membuat pemilihan bidang pendidikan yang realistik agar dapat meletakkan diri mereka dalam pendidikan global yang kompetatif.

REFERENCES

- [1] Abdul Hanit. Program Perkembangan Kerjaya Remaja. Universiti Malaysia Terengganu, 2010
- [2] ACT. 2014. The condition of college and career readiness. Iowa City, IA: Author
- [3] Adelman, C. The Toolbox Revisited: Paths To Degree Completion From High School Through College. Vocational & Adult Education, 2006
- [4] Amla Mohd Salleh. Mengenal Potensi Kerjaya. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

- [5] Aliza, A. "The Issues in Implementing Transition Program for Special Needs Students." *Asean Social Science*. 9 (2013): 9-14.
- [6] Bahagian Pendidikan Khas. *Maklumat Pendidikan Khas*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015
- [7] Cheong, L.S. and Sharifah, Z.S.Y. "Effective Transitional Plan from Secondary Education to Employment for Individuals with Learning Disabilities: A Case Study." *Journal of Education and Learning* 2, (2013): 104–17
- [8] Condon, E, and Callahan, M. "Individualized Career Planning for students with significant support needs utilizing the discovery and vocational profile process, cross-agency collaborative funding and social security sork incentives." *Journal of Vocational Rehabilitation* 28, (2008): 85–96.
- [9] Daviso, A, W., Denney, S. C., Baer, R. B, and Flexer, R. "Postschool Goals and Transition Services for Students with Learning Disabilities." *American Secondary Education* 39, no. 2 (2011): 77-93
- [10] Fives, C. J. "Vocational assessment of secondary students with disabilities and the school psychologist." *Psychology in the School* 45, no 6 (2008): 508-519.
- [11] Holland, J. L. *Manual for the RIASEC Inventory*. Psychological Assessment Resources. 1985.
- [12] Hover, A. "The Role of The Community In Transition To The Adult World for Students with Disabilities." *American Secondary Education*. 44, (2016): 21-30.
- [13] Krejcie, V. R. and Morgan, W.D. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. University of Minnesota, 1970
- [14] *Laporan Pencapaian Dasar 1% Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada Orang Kurang Upaya*. Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya, 2013.
- [15] Lembaga Peperiksaan. *Pentaksiran Psikometrik*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014
- [16] Lee, M. S and Lai, C. S. "Rhetoric Value Based Model for Malaysian Special Vocational Education Secondary Schools' Teachers." *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 2, no 1 (2016): 1-6
- [17] Lin, L. S. and Rohany, N. "The Effectiveness Psycho –Educational Group Counseling for Normal Student and students with Special Needs in Terms of Career Awareness and Self Concept." *The Social Science* 8, no 3 (2013) : 231-235.
- [18] Mohamad Najib A. G. *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, 2003.
- [19] Mohd Majid Konting. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Ed. ke-7. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005
- [20] *National Longitunal Transition Study-2. Guidepost for Success*. Department of Labor, 2011.
- [21] National Disability Rights Network. "The Protection and Advocacy System for Individuals with Disabilities." *Journal of Vocational Rehabilitation*, 36 (2012): 39–64.
- [22] Norani. *Kerjaya Orang Kelainan Upaya*. Campaign 99 Conference Proceeding, 212-220. 1999

- [23] Noraini, A., Mohd Hanafi, M.Y., and Nur Aishah, A. "Implementation of the inter-agency collaboration in vocational education of students with learning disabilities towards preparation of career experience". *Asian Social Science* 11, no 18 (2015): 183–92.
- [24] *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013-2015. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013*
- [25] *Program Transformasi Ekonomi. Jabatan Perkhidmatan Awam, 2010.*
- [26] Queener, J. P. *A Post-School Outcome Study of Students with Learning Disabilities. The George Washington University, 2015.*
- [27] Sharf, R.S. *Applying Career Development Theory To Counseling. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole, 1997.*
- [28] Sidek, M.N. *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis. Penerbit Universiti Putera Malaysia, 2002*
- [29] Smith, D.S. & Nagle, R.J. Self- perception and social comparisons among children with LD. *Journal of Learning Disabilities.* 28 (2005) : 364-371
- [30] *The Individual with Disabilities Education Improvement Act. (Act 135), 2004.*
- [31] Tilson, G. & Simonsen, M. The personnel factor: Exploring the personel attributes of highly successful employment specialists who work with transition-age youth. *Journal of Vocational Rehabilitation.* 38 (2013): 125–137.
- [32] Turner, S., Unkefer, L.C., Cichy, B.E., Peper, C. & Juang, J.P. Career Interests and Self-Estimated Abilities of Young Adults With Disabilities. *Journal of Career Assessment.* 19 (2011): 183-196.
- [33] Turner, S. L. and Lapan, R.T. Evaluation of an intervension to increase non traditional career interest and career related self efficiency. *Journal of Vocational Behaviour.* 66 (2005): 516-531